

## Majlis Khatam Al-Quran Peringkat INSTUN 1442H

Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran Peringkat INSTUN 1442H pada 4 Mei 2021. Seramai 30 kakitangan INSTUN telah menyertai Tadarus Al-Quran sepanjang Ramadan tahun ini. Majlis khatam ini telah dipimpin oleh Alfadhil Ustaz Mohamad Lutfi bin Jamel, Pegawai Hal Ehwal Agama INSTUN. Majlis telah dimulai dengan “Tazkirah Ramadan” oleh mantan Pegawai Hal Ehwal Agama INSTUN, Alfadhil Ustaz Mohd Ridhzuwan bin Ahmad. Kehadiran YBrs. Puan Norehan binti Omar, Pengarah INSTUN menyerikan lagi majlis ini. Turut diadakan juga sumbangan Hari Raya kepada kakitangan sokongan 2, dan pekerja kontrak perkhidmatan INSTUN.



